

SELAMATKAN ATUK, NENEK

FAST Heroes usaha inovatif didik kanak-kanak mengenai tanda-tanda awal strok

FOTO | FARIZ ISWADI ISMAIL

Oleh **Muhamaad Razis Ismail**
razis@mediaprima.com.my

Strok adalah salah satu daripada tiga punca utama kematian di Malaysia selain satu isu kesihatan awam yang membimbangkan.

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan pada 2011, kadar prevalens strok kini berada pada 0.7 peratus.

Malah penyakit ini semakin kerap dikesan dalam golongan muda di Malaysia dengan 40 peratus daripada mereka yang diserang penyakit ini berusia di bawah 60 tahun.

Menyedari perkara itu, kempen FAST Heroes diperkenalkan dengan kerjasama ANGELS Initiative Malaysia dan Majlis Strok Malaysia.

FAST Heroes ialah sebuah inisiatif pendidikan yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenali gejala strok dan

tempat turut diolah dan disampaikan penyanyi muda berbakat, Alyssa Dezek.

Sekolah di seluruh dunia bekerjasama untuk membina komuniti bersama sejuta kanak-kanak dengan satu misi utama iaitu menyelamatkan datuk dan nenek mereka.

Sebanyak 28 negara dengan 3,452 sekolah berdaftar dengan program FAST Heroes. Di Malaysia, seramai 830 kanak-kanak dari sekolah dan tadika menyertai program ini iaitu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Hwa, Parit Buntar, Tadika Sin Hwa (Parit Buntar), Asmet Academy Taman Midah, Cheras dan Tadika Kuputra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Presiden Majlis Strok Malaysia, Profesor Madya Dr Hoo Fan Kee berkata, peningkatan serangan strok di negara ini dilihat meningkat dan semakin



PENERANGAN mengenai kempen FAST Heroes.

keperluan tindakan pantas bagi menangani serangan itu.

Kempen ini ialah program pendidikan dalam sekolah yang bersifat interaktif untuk kanak-kanak di Malaysia.

Dalam meningkatkan keberkesanan pendidikan strok bagi kanak-kanak, lagu FAST Heroes versi

membimbangkan.

Katanya, lebih membimbangkan, serangan ini bukan hanya membabitkan golongan berusia, malah golongan muda dilihat menunjukkan peningkatan.

“Majlis Strok Malaysia berhasrat untuk mencapai penjagaan strok berkualiti tinggi sambil

meningkatkan kesedaran strok dalam kalangan orang ramai di Malaysia.

“Kempen FAST Heroes antara inisiatif untuk memberi pendedahan awal kepada golongan muda berkenaan gejala awal strok dan langkah segera yang boleh diambil dalam membantu ahli keluarga




Inisiatif pendidikan ini adalah satu usaha inovatif bagi mendidik kanak-kanak mengenai tanda-tanda awal strok

DR WAN ASYRAF

Melalui FAST Heroes, kanak-kanak boleh membantu menyebarkan mengenai kesedaran penyakit strok dalam kalangan ahli keluarga mereka

DR AZHAR



KANAK-kanak teruja menyertai kempen FAST Heroes.

yang diserang penyakit ini. “Saya percaya program ini bukan setakat dapat memberi pendedahan kepada kanak-kanak, malah mampu menyelamatkan lebih banyak nyawa,” katanya dalam Majlis Pelancaran Kempen FAST Heroes baru-baru ini.

Bagi, Ketua Projek FAST Heroes, Dr Wan Asyraf Wan Zaidi berkata, kanak-kanak adalah tonggak masa hadapan.

“Inisiatif pendidikan ini adalah satu usaha inovatif bagi mendidik kanak-kanak mengenai tanda-

tanda awal strok.

“Kami berharap ini akan membawa kepada kesan berganda bagi kesedaran strok yang lebih baik dalam komuniti kita memandangkan ahli keluarga termasuk ibu, bapa, datuk dan nenek akan terbabat secara tidak langsung dengan program ini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Perubatan Boehringer Ingelheim bagi Malaysia dan Singapura, Dr Azhar Ahmad berkata, pesakit yang mengalami strok memerlukan akses kepada penjagaan yang terperinci

dan berkualiti tinggi secepat mungkin supaya nyawa mereka dapat diselamatkan.

“Melalui FAST Heroes, kanak-kanak boleh membantu menyebarkan mengenai kesedaran penyakit strok dalam kalangan ahli keluarga mereka

“Kami menyasarkan untuk menarik sekurang-kurangnya 1,500 pelajar menjelang akhir tahun ini menyertai program ini. Kami sangat mengalu-alukan mana-mana sekolah yang berminat untuk turut serta,” katanya.